

Headline	Mahu ziarah pusara ibu di Makkah		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Oct 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	50	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	279 cm <sup>2</sup>
Journalist	Erma Yusnida Jusoh	AdValue	RM 4,244
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,732



# Mahu ziarah pusara ibu di Makkah

Waris jemaah haji yang meninggal dunia di tanah suci reda dengan pemergian ibu mereka

■ ERMA YUSNIDA JUSOH

KUANTAN - Waris jemaah haji yang meninggalkan dunia di tanah suci, Maznah Md Dali iaitu Muhammad Din Hanif Affendi, 23, berhasrat muah menziarahi pusara arwah ibunya bersama lima adik-beradik yang lain.

Muhammad Din Hanif berkata, dia dimaklumkan bapanya, Affendi Osman, 54, mengenai kematian ibunya di tanah suci Makkah pada 30 September lalu akibat penyakit radang paru-paru.

Menurutnya, arwah ibunya mengidap penyakit itu sejak dua tahun lalu dan semangnya muah menunaikan haji tahun ini.

"Walaupun kesihatan sedikit terganggu tapi arwah tetap muah ke sana. Kami sekeluarga reda dengan pemergian arwah, apakah lagi di tempat suci seperti di Kota Makkah."

"Cuma, sekiranya kami ada kewangan yang cukup, kami muah menziarahi pusara arwah ibu," katanya ketika ditemui pada Majlis Ziarah Keluarga Jemaah Meninggal oleh Pengurus Lembaga Tabung Haji, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, di sini, semalam.

Anak kelima daripada enam adik-beradik itu berkata, bapanya dijangka pulang minggu depan.

"Kesihatan ayah dalam keadaan yang baik cuma mengalami batuk dan demam.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Tabung Haji yang menguruskan jenazah arwah ibu di sana sehingga selesai dikebumikan," katanya.

Sementara itu, Abdul Azeez berkata, semalam, seramai 18 kematian

dicatat membabitkan jemaah dari Malaysia.

Beliau berkata, jumlah itu masih kecil berbanding pada tahun-tahun sebelumnya.

"Kebanyakan jemaah yang meninggal adalah disebabkan penyakit jantung dan kanser dan bukannya berpunca daripada jangkitan virus kronik.

"Saya berharap jemaah yang bakal pulang ke tanah air menjaga kesihatan, makan ubat dan cepat mendapatkan rawatan sekiranya sakit," katanya.

Abdul Azeez berkata, dua lagi jemaah yang meninggal dunia di tanah suci kelmarin dan semalam adalah dari Sungai Buloh, Selangor dan Batu Pahat, Johor.

Pada majlis itu, Abdul Azeez turut menyampaikan sumbangan khairat kematian selain turut menyertai tahlil arwah.



Abdul Azeez (dua, kanan) menyampaikan sumbangan kepada Muhammad Din Hanif, semalam.